



## SIARAN MEDIA

(Embargo: 3 September 2020)

### **STANDARDS MALAYSIA JALIN KERJASAMA DENGAN MIROS DAN PERKESO, BANTU INDUSTRI PATUH STANDARD RTSMS**

(Putrajaya, 3 September) Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) telah melancarkan *Standards Compliance Stewardship Programme for Enterprises* (ESCAPE) khusus untuk membantu industri mematuhi standard melalui bimbingan latihan teknikal dan khidmat nasihat pakar bermula dari fasa pendedahan awal sehingga kepada fasa pematuhan standard.

Program ini bertujuan untuk memperkasakan industri terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ke arah peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan bagi melahirkan golongan industri yang mampan, ketersediaan untuk kebolehpasaran domestik dan global, memenuhi kehendak ekonomi semasa serta mengamalkan sistem pengurusan yang cekap, berintegriti dan selamat.

Selaras dengan polisi Kerajaan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia agar setanding dengan negara maju, MS ISO 39001: 2013 - Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya (RTSMS) telah dikenal pasti sebagai standard pertama yang dipromosikan di bawah ESCAPE kepada industri bagi tujuan pematuhan. Umum mengetahui bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kemalangan jalan raya. Melalui standard ini, ia dapat membantu bagi mencegah kecederaan yang boleh dielak dengan menggunakan kaedah sistematik dan intervensi berdasarkan bukti. Bagi tujuan tersebut, beberapa siri seminar dan bengkel mengenai RTSMS akan dianjurkan secara kerjasama antara Standards Malaysia bersama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah ESCAPE.

“Kematian dan kecederaan serius dalam kemalangan jalan raya adalah masalah yang dapat dicegah dengan memberikan penekanan yang tinggi kepada masyarakat di seluruh dunia. Standard ini, MS ISO 39001 adalah sejajar dengan standard sistem pengurusan antarabangsa yang lain, termasuklah MS ISO 9001 ‘Sistem Pengurusan Kualiti’ dan MS ISO 14001 ‘Sistem Pengurusan Alam Sekitar’. Ini membolehkan setiap organisasi yang

berinteraksi dengan sistem trafik jalan raya berjaya mengurangkan kematian dan kecederaan serius yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya.” kata YBrs. Encik Shaharul Sadri Alwi, Ketua Pengarah Standards Malaysia.

Lebih daripada 50 pemain industri yang menghadiri seminar pertama RTSMS pada hari ini, didedahkan dengan faedah dan manfaat apabila melaksanakan standard MS ISO 39001:2013 yang berkesan dalam sesebuah organisasi.

“Setiap tahun, kemalangan jalan raya telah mengakibatkan seramai 1.35 juta orang kehilangan nyawa dan antara 20 hingga 50 juta orang lagi mengalami kecederaan di seluruh dunia. Di Malaysia, secara purata, 17 kematian dicatatkan akibat kemalangan jalan raya dalam sehari. Dalam usaha menangani isu keselamatan jalan raya ini, pelbagai intervensi keselamatan jalan raya telah diperkenalkan termasuk pelaksanaan MS ISO 39001. Standard ini telah diterima pakai di seluruh dunia dan terbukti mampu mengurangkan kadar kematian dan kecederaan parah akibat kemalangan jalan raya. Justeru, menerusi program kerjasama ini, kesedaran berkaitan MS ISO 39001 diharap dapat dipertingkatkan dan pensijilan standard ini dapat diperluaskan lagi di kalangan pemain industri terutamanya di sektor pengangkutan. Program ini juga menyokong salah satu strategi yang digariskan dalam Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 iaitu memastikan keselamatan sektor pengangkutan Malaysia setara dengan piawaian antarabangsa.” kata YBrs. Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim, Ketua Pengarah MIROS.

“Bagi menangani isu keselamatan jalan raya, PERKESO turut memainkan peranan penting melalui pelaksanaan MS ISO 39001 melalui Program Pengurusan Keselamatan Pekerjaan Berkaitan Jalan Raya. Program ini bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan perjalanan melalui kaedah intervensi kepada majikan terpilih di kalangan pencarum PERKESO yang merekodkan kadar kemalangan tertinggi. Setakat ini, pelaksanaan program secara berfasa kepada lebih 200 syarikat telah dapat menyediakan asas kepada syarikat-syarikat ini untuk melaksanakan sistem pengurusan trafik yang lestari di tempat kerja masing-masing. Jalinan kerjasama dengan Standards Malaysia di bawah ESCAPE dapat meningkatkan kesedaran keselamatan dalam perjalanan di kalangan pekerja dan majikan bagi mencapai objektif Pelan Induk Keselamatan Kesihatan Pekerjaan Malaysia. “ jelas YBhg. Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato’ Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO.

“Standard MS ISO 39001:2013 ini juga dapat mengenal pasti dan mengurus risiko keselamatan trafik jalan raya, mengurangkan kemalangan, mewujudkan keadaan kerja yang lebih selamat dan memenuhi kehendak pihak berkepentingan. Kita harus belajar dari negara lain seperti Jepun, yang sangat aktif dalam mematuhi standard ini. Selain

daripada itu, standard ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap UN *Sustainable Development Goals* (SDG) 3, 11 dan 12 yang merangkumi sasaran keselamatan jalan raya untuk mengurangkan kematian, mencapai pengangkutan bandar yang selamat, dan melaksanakan amalan perolehan awam yang mampan. Melalui kerjasama dengan MIROS dan PERKESO untuk program ESCAPE, kami berharap banyak industri akan dibantu untuk mematuhi standard ini." kata YBrs. Encik Shaharul Shaharul Sadri Alwi.

**-TAMAT-**

### **Mengenai Standards Malaysia**

Tertakluk di bawah oleh Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549), Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996. Standards Malaysia adalah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangun dan mempromosikan Standard Malaysia (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal pengujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan.

Fokus utama perkhidmatan kami adalah untuk mengembangkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan mendorong pertumbuhan ekonomi negara melalui aktiviti standardisasi, akreditasi dan pensijilan.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati laman web kami: [www.jsm.gov.my](http://www.jsm.gov.my); FB: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: @STANDARDS\_MY & IG: STANDARDS\_MY

### **Mengenai Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia**

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan sebagai sebuah pusat sehati bagi penajaan, penghasilan dan penyebaran ilmu serta maklumat keselamatan jalan raya. Hasil kajian yang diperolehi daripada penyelidikan dan program-program intervensi berdasarkan bukti sebagai asas bagi membangunkan strategi, undang-undang, dasar dan langkah-langkah penguatkuasaan baharu terhadap keselamatan jalan raya di peringkat kebangsaan. MIROS turut bekerjasama dengan organisasi-organisasi sektor awam dan swasta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.

Pada tahun 2014, Menteri Pengangkutan ASEAN telah melantik MIROS sebagai Pusat Keselamatan Jalan Raya ASEAN. Pusat ini bertujuan untuk menyumbang dan mempromosikan pengetahuan mengenai keselamatan jalan raya dalam kalangan negara ASEAN, ini termasuklah

undang-undang jalan raya, pengurusan data, pembangunan piawaian, pendidikan dan kesedaran keselamatan jalan raya.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati laman sesawang di [www.miros.gov.my](http://www.miros.gov.my).

### **Mengenai PERKESO**

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Pada 1 Julai 1985, status PERKESO telah berubah kepada sebuah Badan Berkanun dan mulai 1 Januari 1992, PERKESO telah melaksanakan sistem saraannya sendiri iaitu Sistem Saraan Baru PERKESO.

PERKESO bertanggungjawab untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial berasaskan konsep masyarakat penyayang selaras dengan Dasar Pembangunan Negara dan Wawasan 2020.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati laman sesawang di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

### **Pertanyaan Media**

#### **Puan Kee Lai Sien**

Jabatan Standard Malaysia

Tel : 03-8008 2891 / 016-398 8801

Email : [kee@jism.gov.my](mailto:kee@jism.gov.my)

#### **Encik Mohd Zakry Omar**

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia

Tel : 03-8924 9200 / 012-689 6623

Email : [zakry@miros.gov.my](mailto:zakry@miros.gov.my)

#### **Encik Harun Bakar**

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tel : 03-4264 5503

Email : [harunbakar@perkeso.gov.my](mailto:harunbakar@perkeso.gov.my)